

Pelajar IPT disarankan bantu belia

UM- 2/6/2007

Oleh HAMIMAH HAMID
Gambar SHAFUDIN MOHD. NOR

PARA pelajar universiti disarankan supaya mengambil peranan untuk menggerakkan generasi belia remaja di institusi pengajian mereka.

Menteri Belia dan Sukan, Datuk Seri Azalina Othman Said menegaskan, Sekretariat Rakan Muda IPT merupakan sekretariat yang unik kerana ia tergolong di kalangan rakan muda atau belia yang terpelajar.

"Golongan pelajar universiti merupakan *role model* kepada golongan belia di luar. Jadi mereka harus bergiat aktif dalam bidang akademik dan ko-kurikulum.

"Ini kerana lepasan universiti yang sentiasa mengikuti program-program sukarelawan dan sukan amat senang diambil bekerja apabila tamat pengajian nanti kerana mereka ini dikenalpasti sebagai orang yang arif untuk menguruskan sesuatu program dan tahan lasak," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang dialog Konvensyen Sekretariat Rakan Muda IPT di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Hadir sama pada majlis tersebut ialah Ketua Setiausaha Kementerian Belia dan Sukan, Datuk Mohd. Yassin Mohd. Salleh; Ketua Pengarah Jabatan Belia dan Sukan, Datuk Fathul Razi Bakri serta Timbalan Ketua Pengarah, Bahagian Pembangunan Rakan Muda, Saari Salleh.

Konvensyen Sekretariat Rakan Muda IPT yang disertai oleh wakil-wakil pelajar dari 25 universiti itu melibatkan




AZALINA OTHMAN SAID

pembentangan kertas kerja daripada ahli-ahli akademik.

Konvensyen yang bertujuan untuk membincangkan hala tuju Sekretariat Rakan Muda IPT itu juga melahirkan belia yang cemerlang, gemilang dan terbilang sebagaimana yang dilaungkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi melalui program-program yang akan digerakkan oleh sekretariat nanti terutamanya dari segi kemahiran.

"Golongan pelajar universiti merupakan *role model* kepada belia-belia di luar. Jadi mereka harus bergiat aktif dalam bidang akademik dan kokurikulum."



PARA wakil pelajar IPT yang menghadiri sidang dialog Konvensyen Sekretariat Rakan Muda IPT di Kuala Lumpur, baru-baru ini.